

30/11/1997

Usaha tolak penjajahan bentuk baru

LENGGONG: Langkah kerajaan untuk tidak mendapatkan bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dalam menghadapi masalah ekonomi dapat mengelakkan negara ini daripada penjajahan bentuk baru melalui kuasa ekonomi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohd Nazri Aziz, berkata jika Malaysia meminjam daripada IMF, sudah tentu negara ini perlu mematuhi beberapa dasar yang ditentukan oleh pihak asing.

"Kalau kita meminta bantuan IMF, sebenarnya apa yang akan berlaku ialah menyerahkan negara kita kepada orang asing untuk menentukan dasar kita dalam membentuk semula ekonomi yang jatuh."

"Apabila orang lain menentukan apa yang boleh kita buat, ia adalah satu bentuk penjajahan baru."

"Oleh itu, keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir untuk mengelakkan bantuan IMF perlu disokong dan jika boleh biar kita tidak minta langsung bantuan berkenaan," katanya selepas merasmikan Hari Kesihatan anjuran Klinik Lenggong, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lenggong, Talha Ismail.

Mohd Nazri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri bahawa Malaysia akan cuba bertahan daripada meminta bantuan IMF dalam menghadapi masalah ekonominya sekarang.

Menurut Dr Mahathir, syarat yang ditetapkan mengikut bantuan kewangan IMF tidak menjurus sangat kepada membantu negara yang menghadapi masalah tetapi lebih bertumpu kepada meningkatkan keupayaan negara membayar semula hutang kepada bank dan institusi kewangan asing.

Mohd Nazri berkata, beliau tidak menolak kemungkinan hala tuju ekonomi pada masa depan akan dipengaruhi oleh pihak luar jika meminjam daripada tabung berkenaan.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua lapisan rakyat memberi kerjasama kepada kerajaan bagi membolehkan krisis ekonomi yang dihadapi sekarang diatasi secara dalaman, tanpa bantuan luar.

(END)